

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN

JULAI 2024

Indeks harga seunit pasir mencatatkan peningkatan antara 2.3 peratus hingga 15.8 peratus pada Julai 2024

PUTRAJAYA, 12 Ogos 2024 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, JULAI 2024**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks harga seunit pasir merekodkan peningkatan antara 2.3 peratus hingga 15.8 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Julai 2024 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi dicatatkan bagi kawasan Terengganu & Kelantan (15.8%), diikuti dengan kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.7%). Selain daripada itu, indeks harga seunit batu baur juga mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 9.0 peratus bagi beberapa kawasan pada Julai 2024 berbanding bulan lepas.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan terdapat peningkatan dalam indeks harga seunit simen antara 0.2 peratus hingga 0.6 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi di Pahang (0.6%), diikuti dengan kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.5%) dan Perak (0.4%).

Perbandingan bulanan indeks seunit harga besi pula mencatatkan sedikit penurunan bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Julai 2024. Penurunan dalam indeks harga bahan ini direkodkan di Perak (-1.9%), diikuti dengan Kota Kinabalu (-1.5%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.2%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh Julai 2023 dan Julai 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen telah meningkat antara 0.1 peratus hingga 3.8 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi direkodkan di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (3.8%), diikuti dengan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.4%), Pahang dan Tawau masing-masing 2.2 peratus.

Selain daripada itu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 4.4 peratus pada Julai 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa purata harga simen (*Ordinary Portland*) mencatatkan peningkatan kecil (0.4%) dengan purata harga RM23.20 per 50 kg sekarung berbanding Jun 2024 (RM23.10 per 50 kg sekarung). Manakala, purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan penurunan kecil (-0.1%) dengan purata harga RM3,726.37 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Jun 2024: RM3,730.49 bagi setiap tan metrik).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli bagi semua kategori bangunan pada bulan Julai 2024 meningkat antara 0.1 peratus hingga 1.2 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Peningkatan tertinggi bagi IKB telah dicatatkan bagi kawasan Terengganu & Kelantan untuk kategori Cerucuk Kayu (1.2%). Namun begitu, terdapat sedikit penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.4 peratus bagi IKB termasuk bar keluli bagi beberapa kategori bangunan di Perak.

IKB termasuk bar keluli di Sabah menunjukkan peningkatan kecil iaitu antara 0.2 peratus hingga 0.8 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Tawau. Manakala IKB termasuk bar keluli di Kota Kinabalu pula merekodkan penurunan antara negatif 0.5 peratus hingga negatif 0.7 peratus bagi hampir semua kategori bangunan. Selain daripada itu, IKB bagi hampir semua kategori bangunan di Sandakan pula kekal tidak berubah.

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada Julai 2024 mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 0.8 peratus bagi beberapa kategori bangunan di Kuching dan Sibu. Manakala IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Miri pula kekal tidak berubah.

Berdasarkan perspektif global, menurut artikel dari laman web *World Bank* pada Mei 2024, indeks harga logam *World Bank* dijangka kekal pada tahun 2024 dan 2025. Pada tahun 2024, harga nikel, bijih besi dan zink diunjurkan mencatatkan penurunan ketara (tahun ke tahun), masing-masing sebanyak 21.0 peratus, 9.0 peratus dan 6.0 peratus. Menjelang tahun 2025, harga aluminium dan bijih timah diramal terus meningkat sebanyak 4.0 peratus, manakala harga bijih besi dan plumbum diramalkan akan terus mencatatkan penurunan.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 12 Ogos 2024

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Julai 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Julai 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 OGOS 2024**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA

JULY 2024

The unit price index of sand recorded an increase between 2.3 per cent to 15.8 per cent in July 2024

PUTRAJAYA, August 12, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JULY 2024. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that, the unit price index of sand recorded an increase between 2.3 per cent to 15.8 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in July 2024 as compared to the previous month. The highest increase was in Terengganu & Kelantan (15.8%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.7%). Apart from that, the unit price index of aggregates also registered an increase between 0.2 per cent to 9.0 per cent for almost all areas in July 2024 as compared to the previous month.

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that, the unit price index of cement recorded an increase between 0.2 per cent to 0.6 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was in Pahang (0.6%), followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.5%) and Perak (0.4%).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, August 12, 2024

The monthly comparison showed a slight decrease in the unit price index of steel for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in July 2024. There was a slight decrease for these materials price index in Perak (-1.9%), followed by Kota Kinabalu (-1.5%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.2%).

An annual comparison for the period of July 2023 and July 2024 showed that the unit price index of cement increased between 0.1 per cent to 3.8 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (3.8%), followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.4%), Pahang and Tawau (2.2%) respectively.

An annual comparison of the unit price index of steel recorded an increase between 0.1 per cent to 4.4 per cent in July 2024 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia elaborated that the average price of cement (Ordinary Portland) recorded a marginal increase (0.4%) with an average price of RM23.20 per 50 kg bag as compared to June 2024 (RM23.10 per 50 kg bag). Meanwhile, the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a slight decrease (-0.1%) with an average price of RM3,726.37 per metric tonne as compared to the previous month (June 2024: RM3,730.49 per metric tonne).

The month on month of BCI with steel bars for all building categories in July 2024 increased between 0.1 per cent to 1.2 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. The highest increase was in Terengganu & Kelantan for Reinforced Concrete Piling category (1.2%). However, there was a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.4 per cent for BCI with steel bars for several building categories in Perak.

BCI with steel bars in Sabah also showed a slight increase between 0.2 per cent to 0.8 per cent for almost all building categories in Tawau. Meanwhile, BCI with steel bars in Kota Kinabalu showed a slight decrease between negative 0.5 per cent to

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, August 12, 2024

negative 0.7 per cent for almost all building categories. Apart from that, the index for almost all other building categories in Sandakan remained unchanged.

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for July 2024 registered a slight increase between 0.1 per cent to 0.8 per cent for almost all categories of buildings in Kuching and Sibu. However, BCI with steel bars for almost all others building categories in Miri remained unchanged.

On a global perspective, according to the article from World Bank's website in May 2024, the World Bank's metal price index is expected to hold steady in 2024 and 2025. In 2024, nickel, iron ore, and zinc prices are projected to post the most significant decline year-on-year, at 21.0 per cent, 9.0 per cent and 6.0 per cent, respectively. Looking ahead to 2025, aluminium and tin prices are predicted to increase further by 4.0 per cent, while iron ore and lead prices are forecast to extend their declines.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, August 12, 2024

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – July 2024





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – July 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

12 AUGUST 2024